

(15 Februari 2021) Sinar Harian, P. 11.

Kes baharu bawah angka 3,000

Malaysia catat 2,464 kes positif baharu, tujuh kematian

KUALA LUMPUR

Malaysia merekodkan penurunan kes baharu jangkitan Covid-19 dalam tempoh 24 jam lepas kepada 2,464 kes pada Ahad iaitu kurang 1,035 kes daripada 3,499 pada Sabtu.

Ini adalah kali kedua Malaysia mencatat kes baharu kurang daripada 3,000 dalam bulan ini

selepas mencatatkan 2,764 kes pada 9 Februari lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Malaysia mencatat 4,525 kes sembuh Covid-19 harian iaitu jumlah pesakit sembuh paling tinggi sejak pandemik itu melanda negara tahun lepas menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh di seluruh negara setakat ini ialah 213,814 kes.


Jumlah kumulatif kes di seluruh negara setakat ini adalah 264,269 dengan kes aktif sebanyak 49,490 kes," katanya dalam satu kenyataan berhubung perkembangan Covid-19 pada Ahad.

Beliau bagaimanapun berkata, tujuh kematian akibat Co-

vid-19 dilaporkan dalam tempoh 24 jam lepas menjadikan sejumlah 965 orang meninggal dunia akibat pandemik itu setakat ini.

Dr Noor Hisham berkata, daripada jumlah kes baharu itu, sebanyak 2,461 merupakan penularan tempatan dan tiga adalah kes import.

Mengenai tujuh kematian baharu itu, beliau berkata, kesemua kes adalah warganegara termasuk seorang kanak-kanak lelaki berumur sembilan tahun dengan penyakit medulloblastoma, sementara kes lain melibatkan individu berusia lingkungan 52 hingga 83 tahun yang turut mempunyai latar belakang penyakit kronik. - Bernama





Anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dilihat mengawal pergerakan orang ramai yang mengunjungi sebuah pusat beli-belah di ibu kota sempena cuti hujung minggu ketika tinjauan pada Ahad.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA


* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 14 Februari 2021

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU
264,269	213,814	260	965	+2,464



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 261,805 kes kepada 264,269 kes